

redaksi

Pengarang Kumpulan BH
Khaidir A Majid

Pengarang Eksekutif Kanan
Saidon Idris

Pengarang Berita Pendidikan:
Ridzuan Yop

Penolong Pengarang Berita Pendidikan:
Mohd Zin Mohd Ali

Penyunting:
Ili Ruzana Razali

Wartawan:
Nor Azma Laila
Nas Norziela Nasbah

Mohd Khairul Anam Md Khairuddin

Artis Eksekutif:
Mohd Hakim Ismail
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator:
Khairul Anuar Md Nor (Yon)

E-mel: bhvarsiti@bh.com.my

Pengiklanan
Tel: 1300226787

Berita Harian / Vertikal Pendidikan
Tel: 1300226787 samb 5108
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN
+ Jabatan Pengedaran dan Jualan
Akhbar NSTP 31, Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur
Emel: educationNSD@
mediaprima.com.my
Samb: 7755
Tel: 03-2724 8999



Pelbagai kerja sambilan dilakukan pelajar untuk mencari pendapatan sampingan sekali gus meringankan beban keluarga.

Pupuk kemahiran insaniah tinggi

➔ Pelajar dapat tambah pendapatan, belajar bahagi masa dengan sistematik, berdisiplin, berdikari

Oleh Mohd Khairul Anam Md Khairudin
khairul.anam@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Universiti tidak mempunyai sebarang halangan sekiranya mahasiswa mahu membatik diri dalam kerja sambilan pada hujung minggu asalkan tindakan itu tidak menjejaskan fokus mereka terhadap pembelajaran.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Aini

Ideris, berkata beliau melihat pendekatan murni itu dalam konteks positif antaranya membolehkan pelajar menimba pengalaman, meningkatkan sahsiah diri melalui interaksi semasa bekerja, sekali gus mampu memupuk kemahiran insaniah tinggi.

Beliau berkata, pihaknya juga menyediakan peluang untuk mahasiswa bekerja di dalam kampus dengan kadar bayaran mengikut jam dan tugas kerja yang diberikan.

"Pekerjaan khusus ini disediakan bagi pelajar asnaf dan kami juga menyediakan program keusahawanan disediakan di bawah Pusat Keusahawanan dan Graduate Employability UPM.

"Lebih penting, di samping dapat menambah pendapatan sampingan, mahasiswa juga dapat belajar untuk membahagikan masa dengan sistematik, lebih berdisiplin dan berdikari," katanya kepada *BH Varsiti*.

Prof Aini menjelaskan, kursus keusahawanan



Prof Aini Ideris



Prof Rasid Mail

turut dimasukkan ke dalam kurikulum semua program ditawarkan universiti atau *embedded* melalui kursus lain yang berkaitan.

"Hal ini bagi mendedahkan pelajar terhadap ciri keusahawanan, menggalakkan minda siswa untuk menghasilkan daya kreativiti dan lebih yakin, terutama bagi menghadapi persaingan serta peluang pekerjaan yang tidak menentu kini.

"Pendekatan ini berupaya mengasah bakat mahasiswa supaya bijak mencari ruang dan peluang bagi mencipta pelbagai kejayaan mahupun membangunkan pekerjaan sendiri," katanya.

Idea Inovatif

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Rasid Mail, berkata bidang keusahawanan adalah antara komponen penting bagi agenda melahirkan mahasiswa berkualiti yang dapat menyumbang kepada masyarakat, negara

serta industri.

Sehubungan itu, menyedari kepentingan kemahiran pengurusan dan keusahawanan kepada pelajar, UMS juga katanya, turut memasukkan Bidang Keberhasilan Utama (KRA) khususnya KRA1 serta KRA8.

"Antara platform disediakan ialah modal permulaan pada skala kecil sebagai 'start up' untuk mahasiswa memulakan perniagaan yang dibekalkan menerusi saluran dana daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) kepada fakulti.

"UMS juga ada menyediakan tapak tamu mingguan yang mana pelajar boleh menggunakan tapak jualan ini untuk aktiviti perniagaan pada setiap petang Khamis.

Prof Rasid berkata, mahasiswa juga terbuka mengemukakan cadangan dan idea inovatif sekiranya terdapat sebarang usaha mengoptimalkan peluang perniagaan di dalam kampus, tertakluk kepada peraturan ditetapkan universiti.